



mesti dihindari dan nilai murni, akhlak yang mulia, budaya ikram dan penyayang dijadikan tunggak kemanusiaan dan kehidupan.

Fenomenon sistem sosial dalam masyarakat semasa terutamanya yang membabitkan generasi muda sungguh mencabar. Cabaran ini boleh menjadi penghalang kepada Wawasan 2020 yang merujuk kepada pembentukan masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang. Cabaran ketujuh Wawasan 2020, Y.A.B. Perdana Menteri menjelaskan bahawa :

Pembentukan sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri dengan kebaikan rakyat tidak diasaskan pada negara, mahupun individu tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

## **WAWASAN PENDIDIKAN**

Pendidikan tidak lengkap dan tidak bermakna jika difokuskan semata-mata kepada mengejar kemajuan tanpa pemupukan nilai murni dan kecemerlangan untuk bekalan generasi, bangsa dan negara. Penyataan Falsafah Pendidikan Negara dalam tahun 1988, mengaspirasikan citra dan intipati pembangunan diri insan yang bersepada melalui pendidikan seimbang dan harmonis. Di antara usaha ke arah merealisasikan hasrat ini ialah melalui pemupukan



16 nilai murni dalam pendidikan (rujukan Lampiran 1). Nilai kasih sayang merupakan salah satu nilai yang diberikan penekanan utama. Citra dan intipati generasi kedua (selepas merdeka) yang hendak dibentuk menjadi semakin jitu dengan perisytiharan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991. Justeru, Y.A.B. Perdana Menteri memberi penekanan tentang pentingnya peranan sistem pendidikan dalam menangani cabaran membangunkan bangsa Malaysia.

Melalui cabaran ketujuh dalam konteks Malaysia Melangkah Ke Hadapan (Hal 24), suatu piawaian dan matlamat baru yang berkaitan dengan pembentukan masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang menjadi fokus utama dalam pendidikan. Hal ini merujuk pada pentingnya peranan sekolah. Serta rumah tangga yang menjadi tapak semaian bagi pemupukan nilai kasih sayang dalam kalangan anak-anak.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah bertindak wajar dan selaras dengan hasrat Wawasan 2020 dalam usaha menangani pelbagai cabaran. Pendidikan menjunjungi nilai teras yang menjadi kunci amalan nilai murni. Semua peringkat dalam KPM khususnya sekolah berperanan untuk memupuk dan memperkembangkan nilai keikraman.

Pada 09 April 1993, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia telah mengisytiharkan Wawasan Pendidikan yang selaras dengan aspirasi dalam Wawasan 2020, iaitu:- pembentukan atau pengwujudan **sekolah penyayang**.

Konsep sekolah penyayang mendapat respon menggalakkan daripada segenap lapisan masyarakat Malaysia. Hal ini merupakan antara strategi yang dapat menyahut keperluan dalam menangani fenomenon sistem sosial semasa yang tidak menyenangkan dan memerlukan tindakan serius.

Kementerian Pelajaran Malaysia sedar bahawa pembentukan konsep sekolah penyayang tidak semudah ungkapan. Beberapa persoalan timbul; bagaimana hendak merealisasikannya, arah tuju yang perlu diakur, cabaran yang mesti ditangani, pendekatan yang harus dilaksanakan dan strategi bertindak yang perlu diimplementasikan.

Kementerian Pelajaran Malaysia mengorak langkah dalam menganjurkan **Kempen Sekolah Penyayang**. Kempen Sekolah Penyayang dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, pada 6 September 1993, di Sekolah Menengah Convent, Jalan Peel, Kuala Lumpur. Sekolah Menengah Vokasional (Pendidikan Khas), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan juga menganjurkan kempen yang sama pada 11 Oktober 1993. Kempen ini dilancarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Jabatan Pendidikan Negeri juga mengambil langkah yang sama. Hal ini disusuli pula dengan **Pertandingan Projek Sekolah Penyayang** untuk keberkesanan Kempen tersebut. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia melancarkan pertandingan ini pada 20 Oktober 1993.



## NILAI KASIH SAYANG

Setiap Insan dibekalkan dengan potensi insaniah iaitu sifat semula jadi seperti kebenaran, kebaikan, keadilan dan kasih sayang. Hal ini merupakan anugerah Allah s.w.t yang tidak ternilai kepada hambanya.

Terdapat satu aliran pemikiran etika yang dikenali sebagai *Caring School* di Amerika Syarikat. Menurut Bubber, ini memberikan penerangan bahawa manusia terikat dengan hubungan kepenyayangan "*caring relation*". Sifat kasih sayang merupakan sumber pengikat hubungan antara anak-ibubapa. Nilai kasih sayang merupakan asas yang membolehkan manusia sebagai makhluk sosial, membina hubungan sesama manusia secara berkesan untuk faedah bersama. Nilai ini juga adalah melampaui sempadan insan dan diperkembang luaskan kepada haiwan dan alam semesta.

Konsep kasih sayang meliputi rasa menghargai, saling menghormati, kerjasama, kemesraan, keharmonian, ketenteraman, dan kebahagiaan. Kasih sayang menjadi nilai penting dalam membina keluarga bahagia dan masyarakat harmonis serta direalisasikan melalui pengwujudan **Sekolah Penyayang**.



## PENGERTIAN

Kasih sayang diertikan sebagai perasaan keterikatan mesra atau perasaan mesra, keprihatinan yang mendalam dan mesra terhadap kebajikan orang lain (menurut *"The Random House Dictionary Of the English Language"*). Justeru, pengertian kasih sayang dalam konteks Sekolah Penyayang merangkumi keprihatinan, keterikatan, pertolongan, bimbingan, penjagaan, kefahaman dan perasaan kasihan serta simpati. Semua pengertian ini boleh dimuatkan dalam dua perkataan *"love"* dan *"caring"*.

## SEKOLAH PENYAYANG

Kasih sayang sangat penting kepada setiap individu lantaran membuatkan jiwa manusia berasa tenteram, tenang dan sejahtera. Semua orang memerlukan kasih sayang tidak kira di mana mereka berada termasuklah di sekolah. Sekolah dan warga sekolah merupakan sebuah institusi kekeluargaan. Ciri dan initipati bagi sebuah keluarga bahagia ialah kasih sayang. Penghayatan dan amalan nilai ikram serta kasih sayang oleh warga sekolah dan sekolah akan mewujudkan **Budaya Penyayang**.

Konsep sekolah penyayang semestinya berlandaskan perhubungan yang mesra dan akrab di kalangan anggotanya perlu dijiwai dan diamalkan oleh semua. Hal ini dapat memupuk dan mengukuh budaya penyayang disekolah secara berterusan.



Sekolah penyayang menginsafi bahawa seseorang yang dikasih merupakaan seseorang yang diterima dan dihargai sebagai individu (yang punya harga atau maruah diri) dan potensinya diberi pengiktirafan. Ini bermakna keperluan psikologi, mental, sosioemosi dan rohani individu itu perlu difahami dan dapat dipenuhi. Dalam konteks sekolah penyayang pelajar, guru atau staf sokongan tidak merasai terasing atau tersingkir. Setiap individu mempunyai hak dalam menyertai setiap aktiviti, menggilap bakatnya atau memperkembangkan potensinya.

Budaya sekolah penyayang menjunjung tinggi elemen kasih sayang, empati, kemesraan dan kesejahteraan yang berterusan. Individu yang *"caring"* merupakan insan yang penyayang, prihatin dan bertimbang rasa terhadap keperluan orang lain. Nilai atau amalan kasih sayang perlu menjadi iltizam pada setiap individu yang terlibat dalam sekolah penyayang. Tegasnya, Wan Zahid (KPPM) dalam bukunya ‘Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian’ menjelaskan bahawa konsep ‘Sekolah Penyayang’ bukan sahaja harus diwujudkan tetapi dihidup suburkan secara meluas.

## CIRI SEKOLAH PENYAYANG

Konsep Sekolah Penyayang perlu dapat memenuhi pelbagai dimensi kemanusiaan. Berikut merupakan antara ciri sekolah penyayang.



## **Sekolah sebagai satu keluarga**

Sekolah dan semua anggotanya merupakan satu institusi keluarga yang besar. Suasana kekeluargaan yang mesra. Ahli keluarga berasa bahagia berada dalam satu sistem kekeluargaan tersebut.

## **Perhubungan warga sekolah saling menyayangi.**

Kasih sayang menjadi tenaga pengikat yang kukuh sesama ahli, malahan diperluaskan juga pada aspek fizikal sekolah, tumbuhan dan juga haiwan. Perhubungan di kalangan warga sekolah penuh dengan perasaan kemanusiaan, kebijakan, berbudi bahasa, ikram dan saling menghormati dan menghargai. Hal ini merupakan amalan kepada konsep saling menyayangi.

## **Budaya perkhidmatan penyayang.**

Budaya perkhidmatan penyayang meliputi pelbagai dimensi dan semua aspek pengurusan dan pentadbiran. Melalui pemupukan dan penyuburan nilai kasih sayang maka setiap warga sekolah akan merasai dirinya sebahagian daripada sekolah. Justeru, keunikan sekolah penyayang akan dapat menarik ahli masyarakat terutamanya ibu bapa untuk menyumbang dan membantu kemajuan sekolah sekolah.

## **Hubungan guru dengan pelajar bagaikan bapa/ibu dengan anak.**

Guru dan juga pelajar menganggapkan sekolah sebagai rumah kedua bagi mereka. Oleh itu, terjalin hubungan seperti bapa/ibu dengan anak di antara dua kumpulan ini. Pelajar berjumpa guru untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan. Guru mendidik



dan prihatin terhadap setiap perkembangan pelajarnya dan membimbing mereka dengan nilai ikram dan sayang agar menjadi insan sepadu, seimbang dan harmonis.

### **Warga sekolah saling mengenali.**

Sekolah penyayang menjadi sebuah institusi keluarga yang saling mengenali dan menyayangi. Pengetua guru besar harus dapat mengenali setiap ahli di sekolahnya. Guru juga harus mengenali pelajar khususnya mengenai kelebihan dan kekuatan, hobi, tingkah laku dan latar belakang keluarga.

### **Keikhlasan dalam melaksanakan peranan/tugas.**

Setiap individu dalam sekolah penyayang memainkan peranan dan tugas masing-masing secara jujur dan ikhlas. Mereka perlu mempunyai iltizam yang tinggi kearah pencapaian matlamat bersama. Keikhlasan dan kejujuran lahirnya daripada dalam diri insan.

### **Perkongsian tanggungjawab.**

Setiap ahli masyarakat sekolah menganggap bahawa perkongsian tanggungjawab dalam semua aspek yang berkaitan dengan sekolah merupakan satu kewajipan yang lahir daripada penghayatan nilai sayang. Mereka mempunyai tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan, kecantikan dan keceriaan persekitaran dan keselamatan di sekolah.

### **Sikap bekerjasama dan saling membantu.**

Warga sekolah perlu mengamalkan sikap bekerjasama dan saling membantu demi peningkatan kecemerlangan sekolah, pencapaian matlamat dan pengisian wawasan yang dibina bersama.

### **Muafakat dan musyawarah.**

Pihak sekolah berusaha mempertingkatkan aspek muafakat dan musyawarah dalam semua aspek perancangan, pembinaan dasar dan penentuan wawasan dan pelaksanaan segala program. Penyelesaian masalah perlu dilaksanakan secara muafakat serta penuh hikmah dan bijaksana. Oleh itu, usaha ini dapat meningkatkan keutuhan dan kemantapan awalan sekolah penyayang secara berterusan.

### **Menjaga kebijikan warga sekolah.**

Sekolah penyayang mengambil berat tentang kebijikan setiap warganya. Contohnya, amalan menziarahi warga, ahli keluarga warga yang sakit atau ditimpa kemalangan. Bantuan dihulurkan untuk meringankan penderitaan, penyelesaian masalah dan kesulitan kalangan ahli.

### **Perasaan mempunyai dan dipunyai.**

Perasaan kekitaan dan kepunyaan "*sense of belonging and sense of ownership*" terhadap sekolah perlu dihayati oleh setiap warga sekolah. Justeru, perasaan ini dapat memupuk semangat kesetiaan dan ketaatan terhadap sekolah.



### **Penghargaan dan galakan.**

Mereka yang menyumbang ke arah peningkatan prestasi kecemerlangan sekolah perlu diiktiraf dan diberikan penghargaan. Hal ini merupakan satu galakan dan motivasi kepada semua dan mencerminkan penghayatan nilai kasih sayang.

### **Peluang peningkatan kendiri.**

Setiap warga berpandangan luas untuk peningkatan kendiri. Pelajar sentiasa diberi galakan untuk memperkembangkan potensi ke tahap tinggi. Guru juga digalakkan meningkatkan bidang ikhtisas dan tahap profesionalisme. Malahan staf sokongan juga diberi galakan ke arah peningkatan kendiri.

### **Keadilan.**

Keadilan dalam segala aspek dan urusan merupakan di antara ciri penting sekolah penyayang. Setiap individu menerima individu lain tanpa syarat. Nilai kasih sayang melangkaui batasan dan latar belakang keluarga, status serta rumpun bangsa.

### **Peranan guru.**

Sekolah merupakan institusi yang paling sesuai untuk memperkembangkan nilai kemesraan melalui hubungan interpersonal. Guru berperanan penting dalam memupuk dan menyubur (*nurture*) nilai sayang kearah pengwujudan sekolah penyayang. Mereka bukan sahaja sebagai pemimpin, pendidik, penasihat dan pembimbing tetapi juga sebagai pemberi kasih sayang (*care-givers*) kepada anak didik mereka. Sebagai memenuhi panduan pemberi kasih sayang, guru seharusnya

bersifat pengasih dan penyayang. Oleh itu, guru perlu membuat refleksi dan muhasabah dalam memperbaiki diri agar menjadi insan yang memiliki sifat pengasih dan penyayang. Kedua-dua sifat mulia ini hendaklah sentiasa disuburkan dalam jiwa.

Guru yang penyayang seharusnya mempunyai tanggapan yang betul dan positif terhadap pelajar. Ada tiga perkara yang harus diinsafi untuk memenuhi tuntutan tersebut. Pertama, setiap individu boleh dididik. Pendidikan telahpun diterima sebagai hak asasi individu. Oleh itu, setiap individu berhak mendapat pendidikan. Kedua, setiap individu dilahirkan cerdas. Oleh itu, ia mempunyai potensi untuk belajar dan berjaya di dunia dan di akhirat. Islam mewajibkan setiap individu untuk belajar. Ketiga, setiap individu boleh mencapai kecemerlangan. Ini bermakna potensinya perlu dieksplotasikan. Setelah memahami dan menerima hakikat insani ini, guru hendaklah mengikis segala prasangka yang boleh menghalang dirinya daripada memberi penumpuan dan perhatian yang sewajarnya kepada pelajar.

Umumnya, guru perlu memberi teladan yang baik kepada pelajar. Pengaruh teladan yang positif boleh memberikan impak positif. Keperibadian guru menjadi ukuran dan teladan kepada anak didik. Ini kerana guru adalah cermin bagi mereka. Bak pepatah ‘Jika guru kencing berdiri, anak didik akan kencing berlari’. Justeru, guru yang penyayang akan sentiasa mengelak diri dari nilai dan amalan yang mengelirukan pemilihan nilai-nilai diri pelajar. Peranan guru sebagai “*role-model*” merupakan sumber inspirasi kepada pelajar. Hal ini, bertepatan dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri untuk



membangunkan generasi bangsa Malaysia menurut acuan atau model kita sendiri.

Perhubungan antara individu boleh dijadikan batas untuk menyemai dan menyuburkan nilai kasih sayang. Guru seharusnya berusaha membina dan memupuk hubungan yang berasaskan kasih sayang dan keikraman di kalangan guru, guru dan pelajar dan sesama pelajar. Contohnya, Pengetua/guru besar, hendaklah bermuafakat dan bermusyawarah dengan guru sebelum membuat keputusan secara kolektif yang berkaitan dengan sekolah. Sebaliknya, guru dapat menyediakan pelbagai aktiviti yang menggalakkan kerjasama pelajar dan seterusnya menjalin hubungan yang mesra sesama mereka.

Dedikasi dan iltizam yang tinggi dalam melaksanakan tugas menunjukkan guru itu sayang akan diri, tugas dan pelajar. Ia juga akan disanjung dan disayangi. Peranannya untuk menarik minat warga sekolah kepada tatasusila, etika dan akhlak akan menjadi mudah. Bimbangannya mudah diikuti dan pengajarannya berkesan.

Guru mengantikan tempat ibu bapa/penjaga disekolah. Guru seharusnya menerima pelajar seperti anak sendiri. Pendidikan dapat diberikan dengan penuh kasih sayang dan tanggungjawab seperti yang telah difardhu ke atasnya. Dengan amalan ini, pelajar tidak merasai dirinya terabai, terasing, tersisih atau tersingkir. Pelajar pula akan terdorong untuk menyayangi guru, ilmu, sekolah dan dunia amnya, seperti ungkapan:



*If a child lives with acceptance and friendship  
He learns to find love in the world.*

Guru seharusnya peka dan prihatin terhadap tuntutan menghargai dan menghormati harga diri manusia, khususnya pelajar. Adalah wajib bagi guru untuk menjaga dan menghormati harga diri warga sekolah. Guru perlu mengelak daripada tingkah laku yang boleh menjasaskan maruah, kehormatan dan harga diri anak didik seperti dalam ungkapan yang berikut:

*If a child lives with criticism  
He learns to condemn  
If a child lives with hostility, He learns to fight  
If a child with ridicule, He learns to be shy  
If a child lives with shame, He learns to feel guilty*

Slogan ‘Sekolahku Rumahku’ boleh dijadikan wadah ke arah pengwujudan sekolah penyayang. Ia perlu mempertingkatkan usaha menjadikan sekolah seperti sebuah rumah tangga yang bahagia. Pelajar akan berasa bangga dan sayangkan sekolah. Mereka akan menganggap sekolah sebagai rumah kedua, iaitu tempat yang dapat memberikan kebahagian kepada mereka. Dalam konteks sekolah penyayang, guru seharusnya memberi layanan berdasarkan prinsip kemanusiaan.

Guru seharusnya mempunyai kompetensi dan keterampilan dalam bidang tertentu untuk menjadikan mereka seorang **ta’alim** (proses penyampaian ilmu), **ta’dib** (Proses mendidik kehalusan adab) dan **tarbiyah** (proses melatih atau latihan). Ketiga-tiga



aspek ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Hal ini akan membantu memperkuatkan keyakinan, kepercayaan, penghormatan dan ketaatan pelajar terhadapnya. Perasaan saling menyayangi akan terpupuk akhirnya.

Kasih sayang merupakan fitrah dalam diri manusia. Sesungguhnya, keperluan kepada sifat penyayang lahir secara semula jadi dalam diri setiap insan. Guru hendaklah berusaha membina dan memupuk budaya penyayang agar warga sekolah akan saling menyayangi dan akan lebih berjaya. Individu yang penyayang mempunyai perwatakan baik dan lebih berupaya menghadapi cabaran. Hubungan yang saling menerima dan menyayangi merupakan teras kearah pengwujudan sekolah penyayang.

## CABARAN DAN HARAPAN

Pengwujudan **Sekolah Penyayang** merupakan suatu inspirasi kepada semua rakyat Malaysia. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai cabaran perlu ditangani sebelum konsepnya direalisasikan secara operasional di sekolah.

Pemasalahan boleh menghalang usaha membentuk sekolah penyayang. Sekolah Penyayang tidak mungkin wujud jika semua pihak terutamanya di sekolah dan di rumah tidak terlibat secara bersama. Sikap yang betul, penggembangan tenaga dan pemikiran pada semua peringkat perlu dipertingkatkan supaya mereka mempunyai keakauntabilitian dalam pembentukan sekolah penyayang.



Kefahaman dan penghayatan yang tetap tentang konsep sekolah penyayang, hakikat insani dan harga diri manusia adalah perlu dikalangan guru. Kegagalan dalam aspek ini akan membuatkan usaha dan amalan nilai keikraman serta kasih sayang akan tinggal sebagai satu cabaran.

Faktor manusia merupakan sesuatu yang sukar untuk dipengaruhi keberkesanannya. Pengaruh negatif di rumah dan masyarakat tidak begitu mudah untuk diperbetulkan. Kerjasama erat antara keluarga dan masyarakat sangat diharapkan untuk membantu memupuk nilai kasih sayang di sekolah.

Kesimpulannya, pengwujudan budaya penyayang di sekolah, memerlukan pola perhubungan sesama manusia yang positif dan manusia dengan persekitarannya yang berlandaskan nilai kesejahteraan.

## PENUTUP

Kini, masalah yang melibatkan pelajar, sungguh membimbangkan semua pihak. Kementerian Pelajaran Malaysia memandang serius kerana masalah ini membabitkan pelajar di sekolah. Gejala pelajar terperangkap dalam pelbagai aktiviti negatif seperti penagihan dadah, terjerat dalam budaya lepak, terjerumus dalam pergaulan bebas, lari dari rumah dan pembuangan bayi merupakan di antara petanda keruntuhan akhlak dan budaya penyayang. Dalam hal ini peranan sekolah juga turut dipersoalkan oleh semua pihak.



Sekolah seolah-olah tidak memberi makna lagi kepada mereka. Oleh itu, pengwujudan sekolah penyayang penting untuk membendung keadaan agar tidak menjadi lebih serius.

Suasana sekolah penyayang yang tenang dan indah dari aspek fizikalnya, seharusnya menjadi keazaman semua. Pelaksanaan sekolah penyayang boleh melahirkan generasi muda yang pandai, pemimpin yang pintar dan berhemah tinggi tetapi juga mempunyai akhlak dan nilai perikemanusiaan yang tinggi.

Pengwujudan sekolah penyayang akan menjadi satu kenyataan apabila semua yang terlibat iaitu sekolah, keluarga dan masyarakat berusaha dengan gigih. Perancangan rapi, langkah yang teratur, pendekatan yang bersesuaian, strategi yang betul dan pelaksanaan yang penuh dengan nilai kasih sayang dan keikraman sudah pasti akan dapat membentuk konsep dan budaya sekolah penyayang. Seterusnya, hal ini dapat membina masyarakat yang bahagia dan membina generasi yang berbudi dan berbudaya penyayang seperti yang diaspirasikan dalam wawasan 2020.



## **BAHAN RUJUKAN**

Pengisian Wawasan Pendidikan

Dato' Dr. Wan Mohd. Zahid

Pengurusan Kakitangan dan Strateginya

Dalam Perspektif Islam

Dato' Dr. Hj. Mohd Mansor b. Hj. Salleh

Wawasan 2020 Aspek Politik dan Sosial

Arena Ilmu sdn. Bhd

Pengurusan Suatu Sudut Pandangan

A. Rahim Ahmad

Pendidikan dan Pembangunan

Dr.Kamal Hassan

Strategi Membina Pasukan Berkesan

Wan Izuddin

Islam, Budaya Kerja dan Pembangunan Masyarakat

IKIM

Konsep Kepimpinan Dalam Islam

Abdul Wahab Zakaria



**Pembentukan Maktab Penyayang : Cabaran dan Harapan  
Haji Ahmad bin Mohamad Said**

**Perkhidmatan Penyayang Nilai Ikram  
Ustaz Maktar bin Ab. Rahman**



## LAMPIRAN 1

### 16 NILAI MURNI

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hormat menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- kesyukuran
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

